

## **MANHAJ SYAIKH AL-ISLAM IBNU TAIMIYYAH DALAM AQIDAH**

*Oleh:*

*Dr. Ahmad Najib Bin Abdullah\**

### **Abstrak**

*Antara tokoh-tokoh terkemuka usuluddin yang banyak memberi sumbangan dalam menjelaskan persoalan-persoalan aqidah sekaligus mempertahankan kesucian Islam ialah Ibnu Taimiyyah yang lebih terkenal dengan gelaran ilmuwan besar ‘Syaikh al-Islam’. Artikel ini akan mengupas secara fokus tentang manhaj aqidah Ibnu Taimiyyah yang menjadi panduan masyarakat Islam hari ini.*

### **Muqaddimah**

Perbincangan ilmiah berkaitan persoalan-persoalan agama amat penting, apatah lagi jika ia menyentuh perkara aqidah yang merupakan perkara asas dalam agama. Kehidupan beragama adalah bertunjangkan dasar kepercayaan dan pegangan aqidah di mana kehidupan seseorang itu dibina, dibentuk dan dipengaruhi oleh pegangan aqidahnya. Baik buruk, mulia dan hina seseorang di sisi Allah Ta’ala merujuk kepada aqidah keimanannya.

Umat Islam di setiap ketika harus dipekakan dengan perbincangan mengenai aqidah yang bermatlamatkan untuk mengumpul kekuatan

---

\* Pensyarah Kanan Di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

bagi memantapkan keimanan dan mempertingkatkan ketaqwaan di samping membuat semakan jujur untuk diri sendiri dan umat seluruhnya demi mencari dan menerima kebenaran.

Sebagaimana bidang tafsir yang kaya dengan para mufassirin, bidang hadith yang kaya dengan para muhaddithin, bidang feqah yang kaya dengan para fuqaha' dan bidang-bidang lain beserta para ulama'nya, bidang aqidah juga tersohor dengan tokoh-tokoh ulama' Usuluddinnya.

Ketokohan ilmu Ibnu Taimiyah atau nama penuhnya Taqiyyuddin Ahmad bin Abdul Halim, diakui oleh ulama' terbilang dari pelbagai aliran dan bidang. Antaranya ialah Ibnu Sayyid al-Nas al-Syafi'i (meninggal dunia 734 H), Ibnu Daqqiq al-'Eid al-Malikiyy al-Syafi'i (meninggal dunia 702 H), Ibnu al-Wardiyy al-Syafi'i (meninggal dunia 749), Abu Hayyan al-Nahwiyy (meninggal dunia 745 H), Ibnu al-Qayyim al-Hanbaliyy (meninggal dunia 751 H), Ibnu al-Zamlakaniyy al-Syafi'i (meninggal dunia 727 H), al-Hafiz al-Dhahabiyy (meninggal dunia 748 H), al-Hafiz al-Mizziy al-Syafi'i (meninggal dunia 742 H), al-Barzaliyy (meninggal dunia 738 H), al-Syaikh al-Subkiyy al-Syafi'i (meninggal dunia 777 H) dan lain-lain<sup>1</sup>.

### **Aqidah Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyah**

Beliau berpegang dengan aqidah ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah yang berdasarkan pegangan para sahabat, tabi'iin dan tabi' tabi'iin. Aqidah inilah yang diperjuangkan oleh pimpinan ulama' hadith, jumhur fuqaha' dan ahli sufi (pembawa tasawwuf maqbul) seperti pegangan Imam Malik, al-Thauriyy, al-Auza'iyy, Hammad bin Zaid, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal dan lain-lain termasuk ulama' muhaqqiqin dari ahli kalam<sup>2</sup>.

## **Manhaj Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah Dalam Aqidah**

Setakat rujukan dan pembacaan penulis, belum diperolehi sebuah kitab yang ditulis dalam bentuk yang khusus dan lengkap (dalam bahasa Arab dan Melayu) mengenai manhaj Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyyah dalam bidang aqidah. Namun begitu penulis berani meletakkan keyakinan yang tinggi kemungkinan sudah wujud tulisan berkaitan menerusi kajian-kajian ilmiah di peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti-universiti Arab Saudi terutamanya di tiga buah universiti Islam terkemuka; Universiti Islam Madina<sup>3</sup>, Universiti Ummu al-Qura di Makkah dan Universiti Imam Muhammad bin Sa'ud di Riyadh.

Untuk mengetahui sedikit sebanyak pandangan atau pendapat Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyyah berkaitan beberapa persoalan aqidah terdapat beberapa buah buku yang boleh kita baca dan kaji, antaranya; *al-Imam Ibnu Taimiyyah Wa Mauqifuhu Min Qadhiyyah al-Ta'wil* karangan al-Syaikh Muhammad al-Sayyid al-Julainid<sup>4</sup> dan *Ba'ith al-Nahdhah al-Islamiyyah Ibnu Taimiyyah al-Salafiyy: Naqduhu Li Masalik al-Mutakallimin Wa al-Falasifah Fi al-Ilaahiyyat* karangan Prof. Muhammad Khalil Haras. Kedua-dua buah buku ini sedikit sebanyak boleh membantu kita mengenal dan memahami aqidah dan manhaj Ibnu Taimiyyah serta cara memperjuangkannya.

Bukanlah satu kerja yang mudah untuk mengetahui manhaj seseorang tokoh secara mendalam dalam apa jua bidang yang diceburi. Ia memerlukan kajian mendalam yang merangkumi setiap pandangan dan sikap yang diperolehi melalui tulisan atau karya-karya yang dihasilkan. Perolehan ini sekiranya disokong dengan maklumat-maklumat tambahan dari ulama' muktabar dan pengkaji-pengkaji yang jujur boleh membantu memperlengkapkan kajian manhaj berkenaan.

Untuk menemukan manhaj aqidah yang dipegangi oleh Ibnu Taimiyyah, kajian dan penelitian perlu dilakukan ke atas segala persoalan

aqidah yang beliau bincangkan, dan jawapan-jawapan beliau kepada soalan atau masalah yang dikemukakan kepadanya yang semua itu biasanya termuat dalam karya-karya peninggalannya.

Sebahagian besar karya-karya Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah dalam bidang aqidah seperti berikut<sup>5</sup>:

- 01- *Al-Iman*
- 02- *Al-Istiqamah*
- 03- *Iqtidha' al-Sirat al-Mustaqim*
- 04- *Al-Furqan Baina Auliya' al-Rahman Wa Auliya' al-Syaitan*
- 05- *Syarh al-Asbahaniyyah*
- 06- *Al-Risalah al-Hamawiyyah*
- 07- *Al-Risalah al-Tadmuriyyah*
- 08- *Al-Risalah al-Wasitiyyah*
- 09- *Risalah al-Ihtijaj Bi al-Qadha' Wa al-Qadr*
- 10- *Qa'idah Jalilah Fi al-Tawassul Wa al-Wasilah*
- 11- *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah Fi Naqdhi Kalam al-Syi'ah Wa al-Qadariyyah*
- 12- *Risalah Maratib al-Iradah*
- 13- *Al-Rasa'il al-Ba'lابakiyyah wa al-Kalaniyyah wa al-Baghdadiyyah wa al-Azhariyyah*
- 14- *Ma'arij al-Wusul*
- 15- *Naqdhu al-Mantiq*
- 16- *Al-Raddu 'ala al-Mantiqiyyin*
- 17- *Muwafaqah Sohih al-Manqul Li Sorih al-Ma'qul*
- 18- *Al-Jawab al-Sohih Li Man Baddala Din al-Masih*
- 19- *Majmu' al-Fatawa (Dari jilid 1 hingga jilid 8 membincangkan soal aqidah).*

Rumusan aqidah Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah dapat diperolehi melalui ungkapan bait-bait syair beliau yang terkenal dengan al-Lamiyyah:<sup>6</sup>

رزق الهدى من للهادى يسأل

يا سائى عن مذهبى وعقيدتى

لا ينثى عنه ولا يتبدل

اسمع كلام محقق في قوله

ومودة القربى بها أتوسل

حب الصحابة كلهم لي مذهب

آياته فهو القديم المنزل

وأقول في القرآن ما جاءت به

وال المصطفى الهادى ولا أتاول

وأقول : قال الله جل جلاله

حقا كما نقل الطراز الأول

وجميع آيات الصفات أمرها

وأصونها عن كل ما يتخيل

وارد عهتها إلى نقالها

وإذا استدل يقول : قال الأخطل

قبحا لمن نبذ القرآن وراءه

وإلى السماء بغير كيف ينزل

والمؤمنون يرون حقاربهم

أرجو باني منه ريا أنهل

وأقر بالميزان والحوض الذي

فمسلم ناج وآخر مهمل

وكذا الصراط يُمَد فوق جهنم

وكذا التقي إلى الجنان سيدخل

والنار يصلها الشقي بحكمة

عمل يقارنه هناك ويسأل

ولكل حي عاقل في قبره

وابي حنيفة ثم أحمد ينقل

هذا اعتقاد الشافعى ومالك

وإن ابتدعـت فـما عليك معـول

فـإن اتبـعـت سـبيلـهم فـمـوـفقـ

Maksudnya:

Wahai saudara yang bertanya tentang mazhab dan aqidahku  
Orang yang memohon petunjuk tentu diberikan petunjuk  
Dengarlah kata-kata orang yang benar-benar melakukannya  
Tidak ia berpaling dan tidak pula berubah sikap  
Mencintai para sahabat kesemuanya adalah mazhabku  
Kasih kepada para qurba, ku jadikannya tawassulku  
Aku berkata seperitimana al-Quran berbicara  
Menerusi ayat-ayatnya, ia qadim dan munazzal,  
Aku berkata : Allah Jalla Jalaluhu berfirman  
Dan Nabi terpilih lagi pembawa petunjuk bersabda, tidak ku takwil  
Kesemua ayat-ayat sifat, aku terima benar  
Sebagaimana dinaqalkan generasi awalan  
Aku sandarkan ia kepada para pelapornya  
Dan ku jaga dari sesuatu yang boleh dikhayalkan  
Celakalah orang yang melempar Al-Quran ke belakangnya  
Apabila ia berhujjah, katanya: Berkata al-Akhtal  
Orang beriman benar-benar dapat memandang Tuhan mereka  
TurunNya ke langit tanpa kaifiyyat  
Aku beriman wujudnya neraca mizan dan kolam  
Ku harap dapat meminum airnya sepantas-puasnya  
Demikian sirat yang terbentang di atas jahannam  
Orang beriman berjaya merentasinya, selainnya dibiarkan  
Neraka diasak orang-orang celaka  
Orang bertaqwah pula ke Syurga ia masuk  
Setiap orang yang hidup lagi berakal, di dalam qubur  
Amalan menemaninya, lalu disoal  
Inilah aqidah pegangan al-Syafi'iyy dan Malik  
Abu Hanifah dan Ahmad yang dinaqal  
Jika engkau mengikut jalan mereka, maka mendapat taufiqlah,  
Dan sekiranya engkau melakukan bid'ah, engkau nantinya  
ketiadaan tempat bergantung

Dari apa yang dinyatakan di atas, bolehlah dijelaskan bahawa manhaj Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah dalam aqidah dapat disenaraikan seperti berikut:

**1. Berpegang Kepada Manhaj Dan Kehendak al-Quran Dan al-Sunnah al-Sahihah**

Sejak kecil lagi, beliau sudahpun khatam dan hafaz al-Qur'an dan dengan bekalan al-Qur'an beliau mampu merujuk kepada ayat-ayatnya sewaktu berhujjah, beristidlal dan mengeluarkan fatwa<sup>7</sup>.

Sewaktu berucap di atas minbar, terserlah kehebatan ilmu tafsir, hadith, feqah dan bahasa Arab yang dimiliki beliau seolah-olah kesemua ilmu tersebut sedia terbentang di hadapan beliau untuk beliau kutip apa yang diperlukan<sup>8</sup>.

Al-Hafiz al-Mizzi r.a menyatakan:

"Saya tidak menjumpai orang yang lebih alim dan berpegang kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya melebihi beliau (Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyyah)<sup>9</sup> "

Al-Hafiz al-Dhahabiyy r.a pula menyebut keilmuan Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah tentang bidang hadith dan mustalah al-hadith serta ilmu rijal al-hadith yang tidak dapat ditandingi sesiapa ditambah hafazannya yang cukup luar biasa terhadap hadith-hadith dalam al-kutub al-sittah dan musnad<sup>10</sup>.

Apabila beliau ditanya tentang pandangannya mengenai ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith yang berhubung sifat-sifat Allah s.w.t, beliau menjawab :

"الحمد لله رب العالمين ، قولنا فيها ما قال الله ورسوله صلى الله عليه وسلم والسابقون الأولون من المهاجرين والأنصار والذين اتبعوهم بإحسان ، وما قاله أئمۃ الهدی بعد هؤلاء الذين أجمع المسلمون على هدایتهم ودرایتهم ، وهذا هو الواجب على جميع الخلق في هذا الباب وغيره".<sup>11</sup>

"Alhamdulillah Tuhan sekalian alam, pandangan kami terhadap masalah tersebut sepertimana yang telah difirmankan oleh Allah dan disabdakan oleh RasulNya serta golongan awalan dari kalangan orang-orang muhajirin dan ansar, juga orang-orang yang mengikuti mereka dengan ihsan, serta apa yang diperkatakan oleh ulama terpimpin sesudah mereka yang telah disepakati keberolehan petunjuk dan keilmuan mereka oleh kaum muslimin. Inilah yang wajib dipegangi oleh setiap orang dalam masalah ini dan lain-lainnya".

Manhaj inilah juga yang dipakai oleh Imam-imam Empat; Abu Hanifah, Malik, al-Syafi'ii dan Ahmad<sup>12</sup>.

Imam al-Syafi'ii ada menegaskan<sup>13</sup>:

"ثبت هذه الصفات التي جاء بها القرآن ووردت بها السنة ونفي التشبيه عنه كما نفى عن نفسه فقال (ليس كمثله شيء...)"

"Kami mengisbatkan sifat-sifat Allah yang disebut oleh al-Quran dan al-Sunnah dan kami menafikan tasybih terhadap sifat-sifatNya sebagaimana Dia telah menafikannya, sebagaimana Allah berfirman (dengan maksudnya): Tiada sesuatu yang menyerupaiNya..."

Dan katanya lagi<sup>14</sup>:

"الحمد لله ... الذي هو كما وصف به نفسه وفوق ما يصفه به  
خلقه"

"Alhamdulillah, sebagaimana Dia telah menyifatkan diriNya,  
melebihi apa yang disifatkan makhlukNya terhadapNya".

Manhaj ini jugalah yang telah dipegang oleh beberapa tokoh aqidah dan ilmu kalam terdahulu seperti Abu Hasan al-Asy'ariyy dalam kitab al-Ibanah, al-Ghazali dalam Iljam al-'awam 'an 'ilmi al-Kalam dan al-Fakhruraziyy dalam Aqsam al-Lazzat. Imam al-Fakhruraziyy ada menegaskan<sup>15</sup>:

"لقد تأملت الطرق الكلامية والمناهج الفلسفية مما رأيتها تشفي  
عليها ، ولا تروي غليلا ، ورأيت أقرب الطرق طريقة القرآن  
، أقرأ في الإثبات (الرحمن على العرش استوى)<sup>16</sup> (إليه  
يصعد الكلم الطيب)<sup>17</sup> ، وأقرأ في النفي (ليس كمثله شيء)<sup>18</sup>  
(ولا يحيطون به علما)<sup>19</sup> ومن جرب مثل تجربتي عرف مثل  
معرفتي"<sup>20</sup>.

"Demi sesungguhnya, saya telah memerhatikan manhaj ahli kalam dan juga manhaj ahli falsafah, maka saya tidak mendapat ia boleh menyembuhkan orang yang sakit dan tidak pula boleh menghilangkan dahaga. Saya mendapat sedekat-dekat (sebaik-sebaik) manhaj adalah manhaj Al-Quran. Saya baca tentang ayat mengistbatkan sifat Allah (الرحمن على العرش استوى) (إليه يصعد الكلم الطيب) dan saya baca tentang ayat yang menafikan (ليس كمثله شيء) (ولا يحيطون به علما). Sesiapa yang mencuba menjalani manhaj saya ini tentu ia akan beroleh ilmu ma'rifat seperti yang saya perolehi".

Dalam merujuk kepada Al-Sunnah, Ibnu Taimiyah menekankan pentingnya berpegang kepada hadith-hadith saih yang diperakui ulama' hadith di mana beliau menyatakan di antara punca kesesatan beberapa golongan manusia adalah disebabkan mereka berpegang dengan hadith-hadith yang palsu. Justeru perlu dikenal pasti hadith yang saih dari hadith yang palsu<sup>21</sup>.

okoh  
ilam  
dan  
ada

## 2. Beriltizam Dengan Lafaz-Lafaz Dan Istilah Al-Quran Dan Al-Sunnah

Untuk mengelak dari kemungkinan berlaku kekeliruan dan salah faham dalam menjelaskan pengertian nas-nas yang berkaitan dengan aqidah di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah, Ibnu Taimiyah mengguna pakai istilah serta lafaz-lafaz yang di bawa oleh kedua-dua sumber besar ini. Penggunaan lafaz-lafaz yang tidak bersumberkan nas syara' dalam aqidah boleh mengundang banyak masalah dan banyak memberi ruang kepada orang-orang yang berkepentingan dan mereka yang sesat untuk membuat andaian dan tafsiran sendiri<sup>22</sup>.

Beliau menegaskan:

"فالواجب أن ينظر في هذا الباب، فما أثبته الله ورسوله أثباتاً، وما نفاه الله ورسوله نفياناً، والألفاظ التي ورد بها النص يعتصم بها في الإثبات والنفي .."

"Wajib diteliti dalam masalah ini, apa yang diistbatkan oleh Allah dan RasulNya kita istbatkan, apa yang dinafikan kita nafikan di mana lafaz-lafaz yang terdapat dalam nas hendaklah dipegangi baik dalam pengistbatan sifat atau penafian" <sup>23</sup>.

### **3. Mendahulukan al-Naql (al-Qur'an dan al-Sunnah) dari al-Aql**

Ibnu Taimiyyah berpandangan wujud keserasian antara *sorih al-ma'qul* dan *sohih al-manqul* di mana akal yang benar tidak akan bercanggah dengan nas-nas yang sohib. Walaubagaimana pun, nas syara' diutamakan dalam membincangkan permasalahan aqidah. Kerana itu beliau menulis kitabnya *Muwafaqah Sohih al-Manqul Li Sorih al-Ma'qul*.

Dengan manhaj ini, beliau menolak manhaj ahli kalam yang meletakkan akal mengatasi segala-galanya. Mengutamakan naql tidak bermakna menolak peranan akal sama sekali. Akal berfungsi untuk menerima dan mengikut naql. Naql ibarat imam manakala akal adalah seorang makmum.

### **4. Merujuk Kepada Pandangan Dan fahaman Para Ulama' Salaf**

Dalam menentukan perkara-perkara berkaitan aqidah, selain merujuk kepada dua sumber utama Al-Quran dan al-Hadith, Ibnu Taimiyyah merujuk juga kepada pandangan dan pendapat para sahabat dan tabi'iin yang mana mereka merupakan saf ulama' terawal bagi umat ini. Mereka lebih 'alim berbanding generasi yang menyusuli mereka.

Menurut Ibnu Taimiyyah, para sahabat adalah bersepakat dalam perkara-perkara usuluddin, mereka tidak berselisih pendapat tentangnya sebagaimana berlaku kepada golongan selepas mereka, tidak berlaku di kalangan mereka perlakuan bid'ah dan menurut hawa nafsu (menyeleweng)<sup>24</sup>.

Dalam memahami ayat-ayat Sifat sebagai contoh, Ibnu Taimiyyah mengemukakan sikap dan pandangan Imam Malik r.a apabila beliau ditanya bagaimana Allah beristiwa' di atas arsyNya, beliau menjawab:

-Aql

a'qul  
ggah  
yara'  
rana  
h al-

yang  
idak  
ntuk  
alah

ima'  
ujuk  
yah  
oi'iin  
reka  
akat  
apat  
eka,  
awa

yah  
eliau  
ab:

"الاستواء غير مجهول ، والكيف غير معقول ، والإيمان به واجب ، والسؤال عنه بدعة" <sup>25</sup>

"*Istiwa'* itu sedia termaklum, bagaimana caranya tidak pula dapat dicapai akal, sementara beriman thabitnya sifat *istiwa'* itu adalah wajib dan bertanyakan tentangnya merupakan satu bid'ah".

Perkara yang sama pernah dinyatakan oleh guru Imam Malik iaitu Rabi'ah di mana beliau berkata: <sup>26</sup>

"الاستواء معلوم ، والكيف مجهول ، ومن الله البيان ، وعلى الرسول البلاغ ، وعلى الإيمان"

"*Istiwa'* itu termaklum, kafiyyatnya tidak dicapai akal, Allah jua yang menerangkan, Rasul pula menyampaikannya dan kita diwajibkan beriman kepadanya".

Demikian juga beliau menyebut sikap dan pandangan Imam al-Sya'fi, Imam Muhammad bin al-Hasan, sahabat Imam Abu Hanifah dan lain-lain yang dapat dirumuskan betapa Ibnu Taimiyyah bersandar kuat kepada pandangan ulama'-ulama' tersebut<sup>27</sup>.

Di dalam kitab al-Fatwa al-Hamawiyyah al-Kubra, Ibnu Taimiyyah menyenaraikan puluhan kitab karangan ulama' yang memuatkan pandangan-pandangan Salaf dalam aqidah, antaranya: <sup>28</sup>

1. Al-Sunnah – karangan Abu Zar al-Harawiy
2. Al-Sunnah - karangan al-Tabaraniyy
3. Al-Sunnah - karangan al-Khallal
4. Al-Sunnah – karangan al-Lalakaii
5. Al-Sunnah – karangan Ibnu Abi 'Asim
6. Al-Tauhid – karangan Ibnu Khuzaimah
7. Al-Ibanah – karangan Ibnu Battah

## **5. Membasmi Sebarang Punca Syirik Yang Bercanggah Dengan Aqidah**

Ibnu Taimiyyah mengambil berat dalam setiap perkara yang boleh membawa kepada kerosakan aqidah, kerana itu beliau banyak mendedahkan kebatilan beberapa amalan syirik, antaranya menyembah kubur para auliya' atau menganggap kubur seseorang itu boleh memenuhi tuntutan orang yang membuat permohonan atau doa, mendewakan sebahagian orang-orang solih yang telah mati sehingga ke peringkat mereka memiliki khususiat Tuhan.

Al-Hafiz Ibnu Kathir r.a. ada menyebut bagaimana Ibnu Taimiyyah telah pergi ke Masjid al-Tarikh dan mengarahkan sahabat-sahabatnya membuang batu besar yang terdapat di sana iaitu di Sungai Qalut di mana ia diziarahi dan dilakukan pembayaran nazar di sana, lalu Ibnu Taimiyyah membuang batu tersebut dan mengelak orang ramai dari terfitnah dengannya.<sup>29</sup>

Apabila ditanya oleh Al-Hafiz Abu Hafs al-Bazzar sebab-sebab kenapa Ibnu Taimiyyah banyak menulis dalam bidang usuluddin/ aqidah, beliau menjelaskan betapa niat buruk aliran puak-puak yang menyeleweng untuk merosakkan syari'at Islam yang suci. Puak-puak itu seperti golongan ahli falsafah, *batiniyyah*, *dahriyyah*, *qadariyyah*, *Nusairiyyah*, *Jahmiyyah* dan banyak lagi. Justeru perlu ditolak ajaran dan syubhah atau kekeliruan yang ditimbulkan supaya terdedah kepalsuan dan kesesatan mereka demi menjaga kesucian Islam<sup>30</sup>.

## **6. Tidak Mengkafirkan Orang Yang Salah Dalam Ijtihadnya Dengan Mentakwil Nas Sedang Qasad dan Niatnya Adalah Mengikut Rasulullah s.a.w**

Ibnu Taimiyyah membuat pengelasan yang adil dalam menilai kedudukan orang yang menyalahi Al-Quran dan Al-Sunnah. Ada yang

dikelaskan sebagai kafir, ada yang fasiq dan ketiganya sekadar ‘asiyy (pelaku maksiat) kecuali ia adalah seorang yang beriman dan ahli ijtihad yang tersalah dalam ijtihadnya, maka ia diberi pahala di atas usaha ijtihadnya itu dan diampunkan kesalahannya. Demikian juga sekiranya seorang itu tidak sampai kepadanya ilmu yang boleh dijadikan hujjah kerana Allah berfirman:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ تَجْعَلَ رَسُولًا

“Dan tidaklah Kami (Allah) bertindak mengenakan azab (ke atas sesiapa) sehingga Kami terlebih dahulu mengutuskan rasul”

Al-Isra’ (17): 15

Adapun sekiranya sudah terbukti jelas hujjah yang terdapat dalam Al-Quran dan Al-Sunnah, lalu dicanggahinya maka ia akan dihukum berdasarkan percanggahannya itu samada dibunuh atau dikenakan tindakan-tindakan lain.<sup>31</sup>

Menjelaskan ketelitian Ibnu Taimiyyah dalam menentukan kedudukan aliran-aliran yang berbeza seperti ‘Asya’irah, Muktazilah dan Rafidhah , Prof. Muhammad Khalil Haras menyebut bahawa Ibnu Taimiyyah meletakkan kayu pengukur yang cukup baik, iaitu kesemua aliran berkenaan tidaklah setaraf hukumnya, ada yang lebih mendekati al-Qur'an dan al-Sunnah seperti ‘Asya’irah di mana menurut Ibnu Taimiyyah mereka adalah terlebih baik daripada aliran Muktazilah dan lain-lain kerana mereka menepati ajaran Salaf dalam banyak permasalahan sebagaimana ternyata usaha mereka memerangi fahaman Muktazilah, Jahmiyyah dan Rafidhah, ditambah dengan sikap mereka mengagungkan al-Hadith dan mazhab jama'ah.<sup>32</sup>

## 7. Menyanggah Kesesatan Aliran Yang Menyeleweng Dengan Merujuk Sumber Asal Aliran Berkaitan

Tugas seorang tokoh aqidah yang benar tidak sekadar menghayati aqidah untuk diri sendiri, sebaliknya mengambil tahu permasalahan aqidah umat sejagat. Tugas menyanggah dan menolak aliran yang menyeleweng bukan satu kerja yang mudah.

Menyedari hakikat ini, untuk berdepan dengan pelbagai golongan dan aliran yang berkembang biak di waktu itu, seperti aliran falsafah yang terpengaruh dengan falsafah Yunan kuno dan aliran mantiq yang bersumberkan pemikiran Aristotle yang di anggap Ibnu Taimiyyah golongan yang menyimpang, beliau terlebih dahulu membaca dan mengkaji kitab-kitab asal karangan mereka. Sesudah betul-betul memahami kandungan kitab-kitab berkenaan, barulah beliau mengkritik pandangan mereka dengan cara yang *ilmiyah*, berserta hujjah-hujjah naql dan ‘aql.

Ibnu Taimiyyah juga banyak membaca tulisan-tulisan aliran Muktazilah dan memahami pegangan mereka. Beliau juga membaca tulisan-tulisan al-‘Asy’ariyy, al-Baqillaniyy, Imam al-Haramain, al-Ghazali, al-Razi, al-Aamidiyy dan lain-lain.

Kefahamannya tentang hakikat Syi’ah dan akidah mereka yang menyeleweng, mendorong beliau menulis jawapan yang cukup ilmiah terhadap aliran tersebut menerusi kitabnya ‘*Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah Fi Naqdhi Kalam al-Syi’ah Wa al-Qadariyyah*’.

Beliau juga menulis kitab ‘*Al-Jawab al-Sohih Li Man Baddala Din al-Masih*’ bagi menyanggah kesesatan yang dibawa oleh agama Nasrani.

Benarlah kata-kata al-Dhahabiyy yang menyebut, penguasaan ilmu yang tinggi yang dimiliki oleh Ibnu Taimiyyah di dalam pelbagai

aliran pemikiran ilmu kalam dan penguasaan beliau berkaitan agama adalah tidak ada tolok bandingnya.<sup>33</sup>

#### **8. Bersikap Adil Dan Sederhana Dalam Menilai Aliran-Aliran Menyeleweng (*al-mubtadi'ah*)**

Berdasarkan kajian terhadap tulisan-tulisan Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah berkenaan sikapnya dalam berinteraksi dengan aliran-aliran yang menyeleweng terserah pandangan dan sikapnya yang cukup sederhana dan adil di mana beliau tidaklah menghukum seseorang melainkan dengan asas-asas pertimbangan yang amat teliti.

Penulis amat tertarik dengan tulisan Dr. Ahmad bin Abdul Aziz al-Hulaibiyy di mana beliau telah menyenaraikan dua belas asas pertimbangan yang diguna pakai Ibnu Taimiyyah dalam berhadapan dengan aliran *al-mubtadi'ah*. Ada baiknya diperturunkan di sini asas-asas tersebut.<sup>34</sup>

1. Diberi keuzuran ( kemaafan ) kepada orang-orang yang solih lagi mulia dalam perkara-perkara bid'ah yang dilakukan melalui ijtihad di mana di kata-kata mereka itu harus di fahami dengan sebaik-baiknya.
2. Tidak boleh menghukum berdosa seorang mujahid sekiranya ia melakukan kesalahan dalam masalah-masalah usul atau furu' lebih-lebih lagi menghukum kafir atau fasiq.
3. Di beri kemaafan kepada pelaku bid'ah tidak bererti mengiyakan bid'ah yang dilakukan dan tidak pula bermaksud harus mencontohnya. Sebaliknya wajib diingkarkan perkara itu dengan adab yang baik
4. Tidak segera menghukum seseorang yang terlibat melakukan bid'ah bahawa ia tergolong dalam golongan ahli bid'ah dan sesat di mana ia tidak boleh dimusuhi dengan sebab perlakuan itu

- kecuali jika bid'ah itu adalah bid'ah yang diketahui umum dan berat kesalahannya di sisi ulama' yang alim tentang al-Sunnah
5. Tidak boleh dihukum pasti rosak aqidah orang yang menyalahi dalam aqidah atau lainnya, juga kepada puak-puak tertentu bahawa mereka tergolong dari puak-puak tujuh puluh dua yang sesat kecuali apabila kesalahannya itu berat.
  6. Mengenal pasti pelaku perkara yang membawa kekufuran atau kefasikan sebelum dihukum kafir atau fasiq. Itu pun sesudah dikemukakan hujjah terhadapnya.
  7. Berusaha memesrakan hati dan menyatukan pandangan, mendamaikan perseteruan antara dua pihak dan berhati-hati dalam perselisihan pendapat dalam masalah aqidah furu' dan amali agar tidak membawa terurai ikatan ukhuwwah sesama orang-orang Islam.
  8. Berlaku adil dalam menyebut pujian dan celaan golongan mutbadi'ah, menerima apa yang benar dan menolak apa yang salah.
  9. Mengambil kira syarat-syarat *amar ma'ruf nahi munkar* dalam menyuruh berpegang kepada al-Sunnah dan mencegah bid'ah serta menyenaraikan keutamaan.
  10. Dikenakan hukuman ke atas penyeru kepada bid'ah dengan cara yang boleh menginsafi dan memperbaiki akhlaknya kerana kesan buruk perlakunya boleh merebak kepada orang lain.
  11. Sah solat di belakang pelaku bid'ah apabila tidak berupaya solat di belakang pengikut al-sunnah. Sekiranya berupaya, hukum solat di belakang mutbadi' itu diperselisihi ulama'.
  12. Taubat penyeru bid'ah adalah diterima.

### Kesimpulan

Dari penjelasan yang panjang lebar di atas, bolehlah disimpulkan bahawa aqidah pegangan Ibnu Taimiyyah adalah aqidah Salaf yang

berasaskan petunjuk al-Quran, al-Sunnah, pandangan para sahabat, tabi'iin dan tabi' tabi'iin. Manhaj aqidahnya cukup jelas. Ketokohan beliau dalam bidang aqidah ternyata hebat kerana penguasaan ilmu beliau bukan setakat memahami nas-nas al-Quran dan al-Hadith, malah beliau berpengetahuan tinggi dalam bidang-bidang agama yang lain, ditambah kemahirannya dalam ilmu kalam, mantiq dan falsafah di mana kesemua gabungan ini membentuk syahsiah Ibnu Taimiyyah sebagai Syaikh al-Islam, gelaran ternama dan diperakui keilmuannya. Dengan ini benarlah pandangan Prof. Muhammad Khalil Haras yang berkata bahawa Ibnu Taimiyyah bukan setakat mujaddid kepada aliran Salaf bahkan beliau banyak menyumbang kepada menjawab permasalahan-permasalahan ilmu kalam seperti masalah jauhar, ardh, jihah, jisim dan sebagainya dengan hujjah dan dalil yang meyakinkan bagi mempertahankan aqidah Salaf.<sup>35</sup>

**NOTA HUJUNG**

- <sup>1</sup> Mar'ii bin Yusuf al-Hanbaliyy (1985), *Al-Syahadah al-Zakiyyah Fi Thana' al-A'immah 'Ala Ibni Taimiyyah*, Dar al-Furqan.
- <sup>2</sup> Majmu' al-Fatawa, 12/ 471, dan lihat: Ahmad bin Abdul Aziz al-Hulaibi (1997), *Usul al-Hukm 'ala al-Mubtadi'ah 'Inda Syaikh al-Islam Ibni Taimiyyah*, Qatar, h. 51-54.
- <sup>3</sup> Sebuah tesis berjudul "Manhaj Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyyah Fi Ta'sil al-Aqidah al-Islamiyyah" dikemukakan oleh Jabran bin Ahmad Salleh, penuntut Saudi di Universiti Islam Madinah untuk meraih gelaran Doktor Falsafah pada 18.6.1407H.
- <sup>4</sup> Buku ini diterbitkan oleh Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah, Universiti al-Azhar, Kaherah pada tahun 1976.
- <sup>5</sup> Ibrahim Muhammad al-'Aliyy (2000), *Syaikh al-Islam Ahmad bin Taimiyyah Rajul al-Islah Wa al-Da'wah*, Damsyiq: Dar al-Qalam, h. 501-502.
- <sup>6</sup> Lihat: Said Abdul Aziz al-Syibilliyy, *Al-Aqidah al-Salafiyah*, h. 298-300, Lihat Ibrahim Muhammad al-'Aliyy, *Syaikh al-Islam Ahmad bin Taimiyyah Rajul al-Islah Wa al-Da'wah*, h. 505-506.
- <sup>7</sup> Lihat: A-Hafiz Umar bin 'Ali al-Bazzar (1976), *Al-A'lam al-'Aliyyah*, Beirut: Dar al-Kitab al-Jadid, h. 20-23, dan Ibnu Abdul Hadi, *Al-'Uqud al-Durriyyah*, h. 3.
- <sup>8</sup> Lihat : Ibnu Hajar al-Asqalaniyy, *Al-Durar al-Kaminah*, 1/153.
- <sup>9</sup> Lihat : Ibnu Abdul Hadiyy, *Al-'Uquud al-Durriyyah*, h. 7.
- <sup>10</sup> *Ibid.*, h. 24-25.
- <sup>11</sup> *Al-Fatwa al-Hamawiyah al-Kubra*, h. 4.
- <sup>12</sup> Lihat: Muhammad bin Abdul Rahman Al-Khumayyis (1992), *I'tiqad al-Aimmah al-Abra'ah*, Riyadh: Dar al-'Asimah.
- <sup>13</sup> Al-Zahabiyy, *Siyar 'A'lam al-Nubala'*, 20/341.
- <sup>14</sup> *Al-Risalah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 7-8.
- <sup>15</sup> Lihat: Yusuf Abdullah al-Qaradhawiyy (1996), *Thaqafah al-Da'iyyah*, h. 81.
- <sup>16</sup> Surah Toha: 5
- <sup>17</sup> Surah Fatir : 10
- <sup>18</sup> Surah al-Syura: 11
- <sup>19</sup> Surah Toha : 110
- <sup>20</sup> *Ibid.*, h. 7.
- <sup>21</sup> Al-Tafsir al-Kabir, 6/414-417.

- 
- <sup>22</sup> Abdullah bin Rasyid al-Hausyani (1996), *Manhaj Ibnu Taimiyah Fi al-Dakwah*, 1/ 88-89.
- <sup>23</sup> *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*, 3/554. Lihat: Ahmad Najib Abdulllah, *Al-Sifat al-Khabariyyah Baina ahli al-Sunnah wa al-Mutakallimin*, h. 16-17.
- <sup>24</sup> *Al-Tafsir al-Kabir*, 1/157, 160.
- <sup>25</sup> *Naqd al-Mantiq*, h. 3.
- <sup>26</sup> *Al-Risalah al-Tadmuriyyah*, h. 62.
- <sup>27</sup> *Ibid.* h. 2-4.
- <sup>28</sup> *Al-Fatwa al-Hamawiyyah al-Kubra*, h. 15.
- <sup>29</sup> Ibnu Kathir, *Al-Bidayah Wa al-Nihayah*, 14/ 34.
- <sup>30</sup> Lihat: Syaikh al-Islam Ahmad bin Abdul Halim, hlm. 497-498
- <sup>31</sup> Lihat: *Al-Fatawa* 1/ 113. *Al-Istiqamah* 2/188.
- <sup>32</sup> Lihat: *Ibnu Taimiyyah al-Salafiyy*, h. 40.
- <sup>33</sup> *Ibid.*, h. 28-29.
- <sup>34</sup> Ahmad bin Abdul Aziz al-Hulaibi (1997), *Usul al-Hukm 'ala al-Mubtadi'ah 'Inda Syaikh al-Islam Ibni Taimiyyah*, Qatar.
- <sup>35</sup> Lihat; *Ibnu Taimiyyah al-Salafiyy*, h. 183.

*nah al-*